

25/08/2001

Kerjasama komponen BN mampu makmurkan rakyat

KOTA KINABALU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kerjasama dan semangat bersatu padu yang sedia terjalin di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) dikekalkan bagi kemakmuran rakyat.

Perdana Menteri berkata, ia penting bagi membolehkan rakyat negara ini terus menikmati kemajuan dan pembangunan yang dilaksanakan kerajaan BN sejak sekian lama.

"Saya harap kerjasama yang ditunjukkan dan semangat bersatu padu yang dibina selama ini akan terus dikekalkan untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena Kongres Kelapan Parti Maju Sabah (SAPP) selama dua hari, bermula esok.

SAPP, parti berteraskan masyarakat Cina, ialah sebuah daripada lapan parti komponen BN Sabah.

Ia diterajui oleh bekas Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee.

Dr Mahathir berkata, semua parti komponen bertanggungjawab bagi mengekalkan pemerintahan BN agar agenda pembangunan yang dirancang untuk kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dapat diteruskan.

"SAPP dan parti komponen BN yang lain mempunyai tanggungjawab untuk mengekalkan kedudukan BN agar kita dapat meneruskan program pembangunan yang dirancang," katanya.

Beliau turut mengucap tahniah terhadap kepemimpinan dan jentera pilihan raya BN yang berusaha gigih untuk memastikan kemenangan Yong ketika kempen pilihan raya kecil Likas, bulan lalu.

Katanya, kemenangan pada pilihan raya kecil itu membuktikan keyakinan rakyat Sabah terhadap kepemimpinan BN untuk mentadbir negeri itu.

"Di samping itu, kejayaan berkenaan menunjukkan keberkesanan pemerintahan BN yang memberi peluang sama rata kepada semua parti komponennya, tidak kira parti berkenaan besar atau kecil," katanya.

(END)